


IMT-GT 2011 MERIAHKAN KOTA MEDAN, INDONESIA

Oleh : Pn. Mashitoh Abu



25-29 NOVEMBER 2011 – Sebanyak 1500 mahasiswa dari 11 universiti di tiga Negara iaitu Malaysia, Indonesia dan Thailand telah menyertai IMT-GT Varsity Carnival Kali ke-13 yang tahun ini diadakan di Universitas Negeri Medan, Indonesia.

Seramai 70 orang pelajar UniMAP ikut serta di dalam program ini yang terbahagi kepada 3 bahagian iaitu sukan, kebudayaan dan seminar. Untuk kategori sukan, pelajar UniMAP telah berjaya mendapat tempat ke-2 bagi acara Tenis (Lelaki).

Kejohanan kali ini juga telah menyaksikan Universiti Sains Malaysia (USM) mencatatkan kejayaan besar apabila berjaya memungut 3 pingat emas bagi kategori sukan, sekaligus muncul sebagai juara dengan pungutan pingat emas terbanyak di kejohanan ini. Pungutan emas tersebut daripada acara Badminton (Wanita), Tenis (Wanita) dan Bola Keranjang (Lelaki).

Untuk kategori kebudayaan, pelajar UniMAP kali ini telah berjaya memukau hadirin dengan Tarian 1Malaysia pada malam pembukaan dengan gabungan tarian pelbagai kaum daripada Malaysia. Untuk malam-malam berikutnya, UniMAP menampilkan tarian borneo, tarian canggung, tarian andung-andung serta nyanyian lagu-lagu rakyat negeri Perlis melalui band pelajar UniMAP yang turut ikut serta.

Bagi kategori seminar, program bersama masyarakat umum telah diadakan di Parapat, Danau Toba dan telah bermalam di sana untuk 1 hari dan merupakan aktiviti julung kali diadakan di luar kawasan kampus yang menganjurkan IMT-GT Varsity Carnival.

Program IMT-GT Varsity Carnival kali ini amat berjaya dan melalui aktiviti-aktiviti di dalam karnival ini diharapkan dapat menjadi media bagi merapatkan lagi hubungan yang sedia terjalin diantara Indonesia, Malaysia dan Thailand. Berjumpa kita semua lagi di IMT-GT Varsity Carnival ke-14 yang akan dianjurkan oleh Universiti Utara Malaysia pada tahun 2012 di Kedah, Malaysia.